

# PBAKL ibarat 'Aidilfitri' kepada penerbit buku ilmiah

(25 Mei 2023) BH, P17

**Kuala Lumpur:** Kehadiran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada setiap tahun, diibaratkan seperti sambutan Aidilfitri kepada penerbit buku, terutama penerbit buku ilmiah di negara ini.

Pengarah Pusat Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Hariza Mohd Yusof, berkata penerbit buku ilmiah pula lazimnya berada dalam kategori yang agak unik.

Katanya, ini kerana mereka mempunyai kelompok yang tersendiri dan biasanya peminat atau pengunjungnya tidak besar berbanding terbitan lain.

"Ilmiah lebih spesifik pembacanya, biasanya mereka menghusus dalam bidang kepakaran seperti sains, bidang agama yang bersifat khusus seperti syariah, undang-undang, ekonomi Islam dan sejarah.

"Jadi apabila adanya PBAKL, ia menjadi medan penerbit ilmiah yang biasanya terdiri daripada penerbit universiti untuk

sebaik mungkin mempromosi dengan pelbagai gaya seperti diskaun khas, pelancaran buku, jemputan tokoh tertentu dan segmen kupasan buku.

"Ini bertujuan menarik kelompok ini untuk turun padang bagi berjumpa, mendengar dan terbabit dengan kupasan yang bersifat ilmiah," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata, ketika ini setiap penerbit ilmiah dari universiti pelbagai tempatan akan berkampung di PBAKL selama ia berlangsung.

Katanya, mereka sanggup melabur masa dan kos untuk berada di PBAKL bersama pengunjung yang juga datang membawa troli khas untuk membeli buku-buku ini.

"Orang ramai yang berada dalam kelompok institusi seperti penganjur, pustakawan juga men-

jadikan PBAKL sebagai platform yang baik untuk membuat pilihan bagi belian pukal," katanya.

Ditanya sejauh mana pesta buku sedemikian dapat membantu penerbitan buku ilmiah dalam keadaan ekonomi sekarang, Hariza mengakui situasi ekonomi turut memainkan peranan penting dalam penerbitan buku ilmiah.

Katanya, menerbitkan buku ilmiah mempunyai perkiraan yang agak berbeza dengan penerbitan buku yang mempunyai permintaan atau buku yang menjadi tarikan untuk dibeli oleh pembaca.

"Buku ilmiah tidak seperti novel atau buku umum yang peminatnya lebih ramai kerana pasarnya juga besar dan kadangkala ia dibeli kerana daya tarikan penulisnya sama ada selebriti



Hariza Mohd Yusof

ataupun mereka yang mempunyai ketokohan.

"Buku umum pula dibeli kerana proses pembacaannya lebih senang dihadap berikutan lengkok bahasanya lebih mudah dan umum.

"Tetapi buku ilmiah sebagai contohnya dalam bidang Sains Fizik, pemikiran atau falsafah, menuntut 'kerja lebih' daripada pembaca untuk memahami teori dan istilah.

"Jadi, hanya mereka yang terbabit dalam bidang ini sahaja yang akan mencari buku kategori ini untuk dihadap," katanya.

## Belian buku ilmiah kurang

Jelas beliau, pembelian novel boleh mencecah sehingga 1,000 naskhah, tetapi belian buku ilmiah mungkin separuh daripada itu dan mungkin juga kurang.

"Oleh itu apabila adanya PBAKL atau pesta buku seperti ini, ia telah memudahkan pengunjung atau pembaca yang sebenar untuk membeli bahan bacaan il-

miah mereka dengan mudah dari pelbagai penerbit ilmiah.

"Secara tidak langsung pembelian daripada penerbit ini akan membantu penerbit ilmiah meningkatkan jualan dalam fasa 10 hari ini di PBAKL.

"Malah, mengikut pengalaman tahun sebelum ini kecuali ketika pandemik COVID-19, jualan buku ilmiah amat memberangsangkan dan memberikan pulangan yang baik," katanya.

PBAKL 2023 Ke-40 akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, bermula 26 Mei hingga 4 Jun ini.

Buat julung kalinya, pesta buku itu akan menyediakan tiga pavilion menampilkan China sebagai Negara Tamu; Sarawak (Negeri Tamu) dan Kementerian Pendidikan (Kementerian Tamu).

Selain tiga peserta tamu itu, PBAKL 2023 akan menampilkan 811 reruai termasuk 30 reruai disertai penerbit buku antarabangsa serta 138 pempamer dari dalam dan luar negara.